

## **WAKALAH**

### **OBJEKTIF**

Meringankan beban kewangan mereka yang memerlukan bantuan melalui konsep wakalah (pengembalian wang Zakat) untuk diagihkan kepada Asnaf yang layak berdasarkan kepada kehendak hukum.

### **KEKERAPAN**

Bantuan ini diberi sekali sahaja setiap tahun.

### **SYARAT-SYARAT BANTUAN**

1. Keutamaan penerima wakalah hendaklah penduduk Islam Sarawak atau warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja.
2. Wakalah hanya dibenarkan ke atas Zakat Perniagaan yang dibayar oleh syarikat yang didaftarkan dibawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sahaja.
3. Permohonan bagi wakalah hendaklah dinyatakan secara jelas program atau senarai nama pengagihan wang tersebut ditunjukkan.
4. Bantuan ini adalah bagi tujuan pendidikan atau kebajikan.
5. Manfaat bantuan ini tidak menyalahi kehendak hukum.
6. Permohonan wakalah selepas 10 bulan dari tarikh pembayaran Zakat Perniagaan tidak akan dipertimbangkan.
7. Dana Wakalah hendaklah diagihkan tidak melebihi daripada 12 bulan dari tarikh pembayaran zakat.
8. Pihak yang telah diberi Wakalah hendaklah menghantar laporan pengagihan dana Zakat tersebut pada tahun semasa kepada Tabung Baitulmal Sarawak.
9. Dalam keadaan tertentu pengesahan kelayakan penerima wakalah akan dibuat siasatan lanjut.

### **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)**

1. Surat Permohonan.
2. Kertas Kerja.
3. Salinan buku akaun.